

SYAIR GILA EKOR

(1)

(Oleh: Ahmad Husin)

- | | | |
|----|--|--|
| 1. | Betapa hiba rasanya hati,
Duduk Termenung mata berlinang,
Apabila Tuhan memberi rezeki,
Rezeki terlepas disambar helang. | Berang melihat perbuatan kutuk,
Gemar melihat orang budiman. |
| 2. | Demikianlah maksudnya satu kisah,
Yang kudengar diceritakan orang,
Diceritakan oleh orang yang soleh,
Bersih sifatnya tidak berbelang. | 7. Budi datuk orang yang soleh,
Kujunjung tinggi kujadi kenangan,
Kerana jasanya itu sudahlah sahih,
Bukanlah lagi dalam bayangan. |
| 3. | Ia bercerita kepada aku,
Sebagai datuk kepada cucu,
Hatinya sedih, rasanya pilu,
Melihat dunia empunya laku. | 8. Daripada ceritanya aduhai tuan,
Tidakku berhajat hendak gelincong,
Sifat datukku jadi tumpuan,
Bahawa bukanlah datuk orang yang bingung. |
| 4. | Sedih lama ia kutahu,
Sebagai orang yang lurus dan waras,
Lurusnya itu lurus berilmu,
Supaya kehidupan tidak terkandas. | 9. Ceritanya itu kuriwayatkan di sini,
Sebagai peringatan jika kulupa,
Kerana halnya itu melukakan hati,
Sebab petaka harus menimpa. |
| 5. | Ceritanya kudengar dengan hati yang penuh,
Perasaannya kunilai seperti emas,
Sebab terbitnya dari jiwa tersepuh,
Jiwa yang mengalami manis dan pedas. | 10. Sebelum kuriwayat ceritanya itu,
Mustahak kusebut tempat dan waktu,
Sebagai pembuka, sebagai pemandu,
Asalnya cerita, muncul di situ. |
| 6. | Sifatnya itu seperti datuk,
Datuk yang sudah banyak pengalaman, | 11. Di sebuah kampung di daerah tengah,
Letaknya pula di tengah pamah,
Bukitnya tinggi dilihat terdedah,
Dekatnya ada kebun dan sawah. |

12. Negerinya itu negeri berpanti,
Orangnya dipanggil orang seberang,
Kapal mengambil orang di Prai,
Lalu dibawa ke Pulau Pinang.
13. Tempatnya itu sudah kutetap,
Di mana duduknya sudahlah nyata,
Waktunya pula mesti kuhadap,
Sebagai catitan masa cerita.
14. Waktunya itu kukata begini,
Bulan Oktober tahun yang lalu,
Dan tahun ini tidaklah sunyi,
Tidak menggirang hati yang pilu.
15. Sungguhnya, tahun itu tidaklah sunyi,
Daripada manusia empunya angkara,
Banyaknya bising kuatnya bunyi,
Besar bahayanya tidak terkira.
16. Wujud manusia menjadi ujian,
Dapatkah ia tetap menjadi haluan,
Menuju taraf insan budiman,
Dan akal yang keruh jadi budiman.
17. Bermain bertanding dengan letupan,
Namanya atom serta hidrogen,
Megah berbangga itulah moden,
Buta hati habislah insan.
18. Bergegarlah bumi, bergelombanglah laut,
Berpisahlah angin, bercahayalah alam,
Itulah tuan tandanya maut,
Cahaya hhapus tinggallah malam.
19. Sudahkah iblis bermaharajalela,
Sampai begini jadinya dunia,
Kelubang kubur manusia berlumba,
Kerana takbur empunya bencana.
20. Bencana takbur diketahui binasa,
Tamak haloba akibatnya bala,
Perbuatan salah hukumnya ada,
Lambat bangat diri terdera.
21. Fikiran ini terbit di hati,
Thabit dengan masa cerita,
Kisahnya itu sungguh membuktii,
Menurut nafsu akibatnya nyata.
22. Kata datuk kepada aku,
Mula pertama ia berkisah,
Sekalian orang sudah terharu,
Kerana hantu empunya helah.
23. Hantu itu hodohlah rupa,
Banyak rasuknya tidak terkira,
Yang kena rasuk menjadi gila,
Adalah pula yang menjadi papa.
24. Sifat hantu belum pernah kulihat,
Hantu yang pandai merasuk umat,
Yang kutahu hanya akibat,
Perbuatan hantu yang sangat jahat.
25. Sejarah hantu sangatlah tua,
Segala dunia sekalian makhluk,
Semenjak adam mulanya ada,
Menjelmalah helah hantu yang kutuk.

26. Makmur dan kaya berhajat sekalian,
 Kuasa dan mulia menjadi idaman,
 Segala ini dijadikan umpan,
 Oleh hantu yang tidak beriman.
27. Umpan hantu ialah bayangnya,
 Kerana jauh dari pegangan,
 Nampak seperti benda kayangan,
 Apabila dicapai hilang ditangan.
28. Orang pandai ataupun bodoh,
 Yang cantik dan yang hodoh,
 Habislah tentu kena pengaruh,
 Apabila sahaja umpan ditempoh.
29. Gambar hantu pernah kulihat,
 Berupa manusia mencarik adat,
 Seperti binatang berkaki empat,
 Berekor pula seperti sengat.
30. Ekor bersengat dijadikan umpan,
 Menarik orang yang tidak beriman,
 Menikam ekornya dijadikan permainan,
 Katanya ada hadiah idaman.
31. Ramailah orang di sini di sana,
 Siang malam tidaklah lena,
 Riuuhlah bunyi menjadi bahan,
 Menikam ekor payahlah kena.
32. Katanya datuk kepada aku,
 Menceritakan kisah yang amat pilu,
 Banyaklah wang meninggalkan saku,
 Banyak pula yang menggadai baju.
33. Bandar dan kampung hebohlah tentu,
 Mencari ekor yang mana satu,
 Hendak ditikam nasib dadu,
 Mendapat untung perjanjian dadu
34. Hantu itu banyak kakinya,
 Di bandar di kampung diketahui ada,
 Berkeliaran sahaja mencari mangsanya,
 Berjanji untuk yang berlipat ganda.
35. Demikianlah iblis merasuk umat,
 Membayangkan untung di awang-awangan,
 Terpengaruhlah orang yang lemah semangat,
 Tergoncanglah hati yang kurang iman.
36. Tikam ekor disukai sangat,
 Itulah permainan helah hantu,
 Itulah tanda penyakit tenat,
 Bencana menanti di muka pintu.
37. Begitu sekali jiwa tergoda,
 Sehingga dunia berubah sifat,
 Hati yang cerah menjadi buta,
 Bencana di hadapan tidak dilihat.
38. Iblis yang merasuk disangka malaikat,
 Gaung yang dalam disangka cangkat,
 Benda kutuk disangka berkat,
 Tidak diketahui hantu memikat,
39. Bahana godaan terlalulah hebat,
 Sehingga dunia menjadi gamat,
 Kedengaran bunyinya jauh dan dekat,
 Seolah hampir hari kiamat.

- | | | | |
|-----|--|-----|---|
| 40. | Kata datuk kepada aku,

Burung dan topi dipohon kayu,

Tercengang melihat perkara berlaku,

Manusia berhimpun di hadapan bongsu. | 47. | Kuat sungguh hantu menggoda,

Pandainya pula tidak berpada,

Sehingga berlakulah yang luar biasa,

Menganjurkan orang yang tidak menyangka. |
| 41. | Burung dan tupai berasa keliru,

Melihat manusia merenduk ke situ,

Beberapa orang membawa lampu,

Di bongsu bertinggung sambil merayu. | 48. | Dikisahkan lagi kepada aku,

Perihal hantu empunya laku,

Orang dikejar terburu-buru,

Dijerat cina supaya berjamu. |
| 42. | Tentulah ada satu muslihat,

Malam buta berkumpul sepakat,

Helah apa yang sedang dibuta,

Datang ke bongsu mencari sahabat. | 49. | Bisikan hantu diturut orang,

Tidak kira siang dan malam,

Bongsu dan jerat tempat berulang,

Akal yang siuman menjadi kelam. |
| 43. | Bongsu tunggal menjadi tumpuan,

Apa hajat belum ketahuan,

Sehingga seorang membuat seruan,

Memanggil nama yang tidak beriman. | 50. | Lebihlah lagi hati tergoda,

Umpan bayangan dapat terasa,

Seperti orang menghisap ganja,

Melayanglah akal gelaplah mata. |
| 44. | Nama disebut berulang kali,

Dipanggil datuk disembah dipuji,

Kuasa gelap yang menyegukkan hati,

Diseru supaya membuat bakti. | 51. | Hantu yang pandai mengumpam umat,

Umpan deras lemahlah semangat,

Idaman terbayang tiap-tiap saat,

Umpam termakan habislah rahmat. |
| 45. | Bomoh dan pawang merayu di situ,

Diteman orang gila ekor,

Mengajar umpan bayang hantu,

Umpam dikejar dilubuk terlanjur. | 52. | Kuatlah sungguh rasukan itu,

Hingga orang habis terharu,

Haram dan halal tak dapat ditentu,

Datuk iblis tak dapat dijamu. |
| 46. | Sangatlah ganjil sedih dan hairan,

Melihat orang berkelakuan demikian,

Bongsu anai-anai menjadi pujaan,

Membuat perkara dilarang Tuhan. | 53. | Ke jerat cina orang menuju,

Malam buta tidaklah tentu,

Di sana dikata apabila berjamu,

Bolehlah dapat panduan hantu. |

54. Helah hantu bermacam haluan,
Tua dan muda jadi permainan,
Yang dirasuk berlari-larian,
Gila ekor tidak berketauan.
55. Ada orang yang pandai menurun,
Datuk nenek habis diseru,
Minta hajat supaya dipohon,
Habuan bayangan yang dijanjikan itu.
56. Segala tempat yang bukan-bukan,
Mencarik rukun agama yang sopan,
Siang dan malam berkawan-kawan,
Pergilah orang yang dirasuk syaitan.
57. Di hadapan bongsu mereka berseru,
Di jerat cina mereka berjamu,
Di pohon yang besar mereka berguru,
Kepada hantu yang pandai menipu.
58. Demikianlah kelakuan orang terasuk,
Jiwa dan hati habis tertakluk,
Kepada hantu musuh makhluk,
Hantu iblis dipanggil datuk.
59. Berajalah hantu di alam yang gelap,
Memerintah makhluk yang dapat diserkap,
Hati dipegang, badan didakap,
Lemaslah jiwa sebagai diranap.
60. Apabila sudah sampai ketingkah,
Hati dan akal tidak berketauan,
Bayangan-bayangan disangka hakikat,
Ganjillah sungguh cara berkelakuan.
61. Diceritakan datuk kepada aku,
Satu kisah ajaib dan pilu,
Siapa mendengar nescaya bersetuju,
Itulah akibat firman hantu.
62. Lepas maghrib harinya malam,
Apabila matahari sudah terbenam,
Orang beriman berasa seram,
Kerana seorang empunya ragam.
63. Ayam dan itik dalam reban,
Orang rumah menyediakan makan,
Yang lelah merehatkan badan,
Yang soleh membuat amalan.
64. Orang kampung berdiam di situ,
Tidak bijak tak banyak berilmu,
Kehidupan hidup ditunaikan begitu,
Berkebun bersawah satu persatu.
65. Musim itu musim buahan,
Musim juga musim hujan,
Keluang dilihat terbang berkawan,
Bunyi katak bersahut-sahutan.
66. Ada orang berjalan ke pekan,
Ada pula yang balik berteman,
Yang soleh berhati iman,
Yang maksiat tidak berpanduan.
67. Dalam gelap waktu malam,
Segala yang putih menjadi hitam,
Dari cerah menjadi kelam,
Itulah panduan ibarat alam.

(bersambung)